

ANUGERAH TOKOH AKADEMIK

KRITERIA, SYARAT & PERATURAN

ASAS ANUGERAH

Calon yang menerima Anugerah Tokoh Akademik merupakan seorang pensyarah yang komited, terlibat secara menyeluruh dan berterusan dalam proses penemuan ilmu, penjanaaan kekayaan Universiti dan memenuhi aspirasi universiti sebagai jentera pembangunan negara dan dunia ke arah meningkatkan kualiti kehidupan manusia sejagat. Calon hanya boleh menerima anugerah ini **sekali** sahaja.

KRITERIA PEMOHON

Anugerah akan dipertimbangkan bagi calon yang telah:

1. Menerajui secara holistik bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan kepimpinan akademik.
2. Berkhidmat sebagai pensyarah di universiti tempatan selama sekurang-kurangnya **15 tahun secara kumulatif** dalam kerjaya akademik.
3. Telah menerima **pengiktirafan ketokohan** daripada badan profesional dan ilmiah yang berprestij pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
4. Telah mendapat anugerah atau pengiktirafan dari badan profesional dan ilmiah bagi sumbangannya dalam jangka waktu **10 tahun** terakhir (termasuk tahun yang dinilai).
5. Membawa **impak secara langsung atau tidak langsung** kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.
6. Menunjukkan **kecemerlangan secara berterusan** dalam bidang akademik yang diterajui.

JENIS ANUGERAH / PENGIKTIRAFAN YANG DIPERTIMBANGKAN UNTUK PERMOHONAN ANUGERAH

1. Anugerah / pengiktirafan akademik yang diiktiraf di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
2. Penerimaan anugerah mestilah mengambil kira sumbangan kumulatif, anugerah dan pengiktirafan yang diterima sepanjang hayat (*lifelong achievement*).
3. Zamalah (*fellowship*) yang diperolehi mestilah berasaskan undangan dan bukan permohonan.

KRITERIA PEMILIHAN ANUGERAH

Dalam proses penilaian untuk penganugerahan, semua sumbangan kumulatif, anugerah dan pengiktirafan yang diterima sepanjang hayat (*lifelong achievement*) akan diambil kira.

NILAI ANUGERAH

Trofi Anugerah Tokoh Akademik beserta wang tunai dan sijil penghargaan oleh Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan.